

25 JAN 2002

Musa-Peluang

KERAJAAN PERLU SEDIA 1.05 JUTA TEMPAT PENGAJIAN TINGGI PADA TAHUN 2005

ALOR GAJAH, 25 Jan (Bernama) -- Kerajaan perlu menyediakan 1.05 juta tempat pengajian tinggi menjelang tahun 2005 untuk memberi peluang kepada lulusan sekolah menengah dari semua aliran melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata langkah itu perlu diambil kerana keperluannya akan mencapai tahap 60 peratus pada tahun berkenaan.

"Kementerian Pendidikan bertanggungjawab menyediakan peluang-peluang pengajian tinggi bagi lulusan sekolah menengah dari semua aliran, terutama aliran sains dan teknologi yang akan mencapai 60 peratus pada tahun 2005," katanya ketika berucap pada majlis pecah tanah kampus tetap Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), dekat Durian Tunggal hari ini.

Perasmian upacara pecah tanah itu disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan isteri Datin Seri Asmah Abdul Rahman serta Pengerusi KUTKM Tan Sri Mohd Salleh Sulong.

Musa berkata pada tahun 2010, keperluan itu meningkat kepada 1.6 juta tempat pengajian.

Katanya penubuhan KUTKM berdasarkan keputusan kerajaan bagi memenuhi keperluan industri pada masa hadapan terhadap sumber tenaga profesional dalam bidang teknikal yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan akademik yang mantap tetapi berketrampilan dan berkemahiran teknikal yang tinggi.

Beliau berkata pada masa ini KUTKM merupakan satu-satu institusi pengajian tinggi yang mendokong dan melaksanakan pendidikan tinggi teknikal secara "hands-on" di peringkat ijazah sarjana muda dengan memberikan keutamaan kemasukan pelajar dari aliran teknikal.

Kampus tetap KUTKM di sini dibina di kawasan seluas 290 hektar dan akan dibina sebanyak dua fasa iaitu fasa pertama dijangka siap pada tahun 2005 manakala fasa kedua pada tahun 2010 dan kos keseluruhan pembinaannya sebanyak RM950 juta.

Menjelang tahun 2010, KUTKM mempunyai 10 buah fakulti dan akan menawarkan kira-kira 30 program pengajian dengan jumlah pelajarnya seramai 12,000 orang.

Ketika ini, KUTKM beroperasi di kampus sementara di Taman Tasik Utama, Air Keroh yang memulakan pengambilan pelajar pertamanya pada Jun tahun lepas dan mempunyai lima fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Pusat Perkhidmatan Akademik.

--BERNAMA

APG SB ZB